

KESILAPAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA
DAN KATA KERJA DALAM PEMBINAAN
AYAT BAHASA ARAB



INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH :

ABD RAHMAN BIN JAMAAN
FARHANA BINTI IDRIS
MUNIRAH AZRAE

JANUARI 2010

Rujukan Kami : 600-RMI/SSP/DANA 5/3/Dsp (69/2009)
Tarikh : 12 Jun 2009

Abdul Rahman Jamaan
Ketua Projek

Akademi Pengajian Bahasa
UiTM Johor
KM 12, Jalan Muar
85200 Segamat
JOHOR

Tuan/puan

KELULUSAN PERMOHONAN DANA KECEMERLANGAN FASA 2/2009
TAJUK PROJEK : KESILAPAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DAN KATA
KERJA DALAM PEMBINAAN AYAT BAHASA ARAB

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Dengan sukacitanya, Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI) mengucapkan tahniah kepada tuan/puan kerana telah berjaya ditawarkan Geran Dana Kecemerlangan bagi projek penyelidikan tersebut.

Syarat-syarat kelulusan Geran Dana Kecemerlangan adalah seperti berikut :

- i. Tempoh projek penyelidikan ini ialah satu (1) tahun, iaitu bermula **15 Jun 2009** hingga **15 Jun 2010**.
- ii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak **RM500.00 sahaja** dalam Kategori C. Tuan/puan diminta mengemukakan proposal beserta bajet yang baru seperti yang dicadangkan oleh panel penilai (sila lihat lampiran penilai yang disertakan).
- iii. Pembelian peralatan komputer/printer/PDA/alat multimedia adalah tidak dibenarkan.
- iv. Setiap pembelian bahan atau peralatan hendaklah mematuhi Prosedur Perbendaharaan Bendahari yang telah ditetapkan contohnya setiap pembelian aset/bahan melebihi RM500 hendaklah disertakan sebutharga dan borang analisa harga. Pihak tuan/puan juga diminta untuk mengembalikan peralatan (aset) yang dibeli ke fakulti atau kampus cawangan setelah tamat projek penyelidikan.
- v. Pihak tuan/puan dikehendaki mengemukakan laporan prestasi secara ringkas pada setiap enam (6) bulan sepanjang tempoh penyelidikan tuan/puan berjalan.

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) : 603-5544 2094/2095
Bahagian Penyelidikan : 603-5544 2097/2091/2098/5521 1462
Bahagian Perundingan : 603-5544 2100/2753/2092
Bahagian Inovasi : 603-5544 2750/2747

Bahagian Penerbitan : 603-5544.1425/5544 2747
Bahagian Sokongan ICT : 603-5544 3097/2104/5521 1461
Bahagian Sains : 603-5544 2098/5521 1463
Pejabat Am : 603-5544 2093/2101/2057/2559

Penolong Pentadbiran : 603-5544 2090
Fax : 603-5544 2096/2767
Unit Kewangan Zon 17 : 603-5544 3404
: 603-5521 1386



Research Management Institute (RMI) Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia
<http://www.rmi.uitm.edu.my>



ABSTRAK

Secara ringkasnya kajian ini cuba mendedahkan salah satu permasalahan pembelajaran bahasa arab khususnya dalam aspek penggunaan kata ganti nama dan kata kerja mudari' untuk pelajar yang mengambil kursus bahasa arab komunikasi di UiTM. Kajian ini sebenarnya lebih tertumpu di dalam bidang struktur bahasa arab yang melibatkan ilmu sintaksis yang merupakan salah satu cabang ilmu di dalam bahasa arab. Kajian dimulakan dengan pembentangan mengenai kata ganti nama, kata kerja mudari' dan struktur pembinaan ayat bahasa arab.

Kajian ini cuba mengenal pasti punca kesilapan penggunaan kata ganti nama dan kata kerja dalam pembinaan ayat bahasa arab yang dilakukan oleh pelajar. Pengkaji telah memilih 150 orang pelajar dari kampus UiTM Johor sebagai responden. Setiap responden diberikan satu set borang soal selidik untuk mengenal pasti permasalahan dan ini dijadikan data untuk dianalisa. Hasil kajian menunjukkan kesilapan penggunaan kata ganti nama dan kata kerja mudari' dalam pembinaan ayat adalah kurang daripada 50 peratus daripada keseluruhan kajian. Ini bermakna bahawa pelajar memahami makna kata ganti nama dan kata kerja mudari' tetapi mereka tidak pasti tentang penggunaannya di dalam ayat. Kajian ini diakhiri dengan kesimpulan dan cadangan untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi. Diharap kajian ini dapat memberi satu gambaran yang jelas tentang permasalahan pembelajaran kata ganti nama dan kata kerja khususnya dalam pembinaan ayat bahasa arab serta dapat menghasilkan satu kaedah yang lebih berkesan untuk mengatasinya.

ABSTRACT

The objective of this study is to reveal one of pedagogical problems in the learning of Arabic Language especially in the use of pronouns and mudari' verbs among students in Mara University of Technology who register the Arabic Language as a third language. This study focuses on the structure of the Arabic Language which is convergent in grammar. It is one of the many areas of Arabic Language. The study begins by presenting the definitions of pronouns and mudari' verb. It follows by the explanation of the structure in building the arabic sentence.

This study will also attempt to identify the existing errors of pronouns and mudari' verb in the arabic textual usage among students. The primary data of this study will be derived from 150 questionnaires being distributed to students in UiTM Johor campus. This study shows that the errors of pronouns and mudari' verb in the arabic textual usage are less than 50 percent from the whole study. It also shows that the students are really understand the meaning of pronouns and mudari' verb but they are still confused about its usage in the sentence. The study is expected to provide various solutions to overcome the shortcomings in the learning of pronouns and arabic verbs especially in the the textual usage and hence it will offer information for the future study.

KANDUNGAN

	Halaman
SURAT TAWARAN PENYELIDIKAN	ii
SURAT PENYERAHAN LAPORAN	iv
DAFTAR AHLI PENYELIDIK	v
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
KANDUNGAN	ix
DAFTAR ILLUSTRASI	xv
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI TRANSLITERASI	xxi
BAB I LATARBELAKANG KAJIAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Matlamat Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Skop Kajian	5
1.7 Kajian Terdahulu	5
1.8 Metodologi kajian	8
1.9 Rangka Kajian	9